

1,000 raikan tradisi 'Town and Gown'

Batu Pahat: Kira-kira 1,000 pengunjung termasuk bakal graduan dan kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membanjiri Dataran Penggaram di sini, malam kelmarin bagi meraikan perarakan tradisi universiti itu dikenali sebagai 'Town and Gown'.

Perarakan sejauh kira-kira 2.5 kilometer bermula jam 8 malam dari Jalan Rahmat ke Dataran Penggaram adalah acara tahunan UTHM bagi menghebahkan kepada masyarakat setempat berkaitan Konvokesyen Ke-15 universiti itu yang berlangsung 3 hingga 5 Oktober ini.

Pegawai Daerah Batu Pa-

hat Mohd Halim Hasbullah berkata, selain hebahan, program yang sudah memasuki edisi ketujuh itu antara lain diadakan bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga universiti berkenaan dan masyarakat setempat.

"Keunikan perarakan dengan pelbagai persembahan berbentuk kebudayaan itu dapat menarik perhatian masyarakat setempat dan pelancong untuk menyertainya.

"Perarakan Town and Gown ini boleh dijadikan tarikan pelancong ke Batu Pahat kerana ia diadakan sempena konvokesyen UTHM," katanya.



GRADUAN dan kakitangan UTHM pada perarakan 'Town and Gown'.